

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATUK MOHD IDRIS BIN JUSI
[BATU PAHAT]**

TARIKH : 2.12.2015

SOALAN :

Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan tindakan yang telah dan akan dijalankan untuk mengangkat martabat guru-guru daripada segi skim gaji, peluang naik pangkat, latihan pra dan dalam perkhidmatan bagi meningkatkan kualiti guru dalam tiga aspek utama iaitu sahsiah dan keperibadian, penguasaan isi-kandungan pelajaran dan kemahiran penyampaian.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 menggariskan pelan tindakan untuk mentransformasi profesion keguruan menjadi profesion pilihan melalui pelbagai usaha.

Pertama, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menyediakan **peluang kenaikan pangkat** yang luas kepada para guru melalui pelbagai laluan kerjaya yang disediakan. Ini termasuk kenaikan pangkat secara time-based yang membolehkan para guru menikmati kenaikan pangkat sehingga ke gred DG54 dalam tempoh yang lebih awal dibandingkan dengan lain-lain skim perkhidmatan. Selain itu, para guru yang cemerlang berpeluang untuk dinaikan pangkat sama ada melalui Laluan Guru Cemerlang atau Laluan Pensyarah Cemerlang atau Laluan

Pegawai Cemerlang atau Laluan Pengetua Cemerlang yang membolehkan mereka mencapai kenaikan pangkat sehingga ke gred JUSA B.

Di samping itu, sejajar dengan Pelan Pembangunan Pendidikan 2013-2025, KPM sedang memperkukuhkan laluan kerjaya sedia ada serta membangunkan laluan kerjaya baharu iaitu Laluan Pakar Bidang (*Subject Matter Expert*). Laluan ini dibangunkan khusus untuk para guru yang ingin menjadi pakar dalam bidang-bidang tertentu seperti pembangunan kurikulum dan pentaksiran. Pengukuhan dan pembangunan laluan kerjaya ini bertujuan untuk mengangkat martabat para guru serta memberi peluang kepada para guru untuk menikmati kenaikan pangkat yang lebih luas dan lebih pantas.

Kedua, kualiti guru juga ditingkatkan melalui latihan **pra-perkhidmatan** dengan usaha-usaha yang berikut:

- (a) Saringan guru pelatih dijalankan secara terperinci untuk mendapatkan bakal guru yang berkualiti dalam jurusan/kursus yang ditawarkan.
- (b) Kurikulum latihan berdasarkan MQA bagi memastikan kokurikulum latihan bertepatan dengan kehendak pendidikan negara.
- (c) Kurikulum latihan memberikan tumpuan kepada pembangunan insaniah guru agar dapat melahirkan guru yang berkualiti, berkeperibadian tinggi serta berkemahiran dalam penguasaan dan berkemahiran dalam penyampaian.

Ketiga, Kualiti guru sedia ada juga ditingkatkan melalui **latihan dalam perkhidmatan** Ini dilaksanakan dengan memantapkan latihan guru yang memberi penekanan terhadap kreativiti dan inovasi dalam menghadapi

persaingan global yang menuntut perubahan dinamik dalam sistem pendidikan dengan memberikan tumpuan kepada keperluan guru dalam perkhidmatan seperti keperluan pengajaran dan pembelajaran terkini, kemahiran-kemahiran professional seperti kemahiran abad ke-21, Komuniti Pembelajaran Professional serta mendapat khidmat nasihat daripada jurulatih SISC+ di setiap daerah.

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TAN SRI DATO' WILLIAM
MAWAN IKOM (SARATOK)**

TARIKH : 02.12.2015 (RABU)

SOALAN : 38

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** menyatakan sejauh manakah kejayaan yang telah dicapai dan perancangan berterusan pihak Kementerian dalam menyediakan kemudahan bekalan air bersih, bekalan elektrik dan pembinaan jalan-jalan luar bandar di seluruh kawasan luar bandar di negara kita.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa komited untuk memberi kemudahan infrastruktur asas termasuk bekalan elektrik, bekalan air dan pembinaan jalan kepada semua penduduk di kawasan luar bandar seluruh negara. Usaha untuk menyediakan semua kemudahan ini merupakan usaha berterusan dan menjadi keutamaan Kerajaan.

Dalam tempoh RMKe-10, Kementerian merancang untuk menyambung bekalan elektrik 24 jam kepada 113,749 buah rumah, menyediakan akses kepada pembekalan air bersih dan terawat kepada 305,893 buah rumah serta pembinaan jalan sejauh 1,891.23 km di seluruh negara. Sehingga 30 September 2015, sejumlah 108,671 buah rumah di seluruh negara telah menerima bekalan elektrik 24 jam, 304,744 buah rumah telah menerima akses kepada bekalan air bersih dan terawat dan 1,862.93 km jalan telah siap dibina. Berdasarkan kepada prestasi pelaksanaan projek semasa, Kementerian yakin sasaran yang ditetapkan akan dapat dicapai pada akhir tahun 2015.